



JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA  
JALAN DATO' ONN  
50502 KUALA LUMPUR.

Telefon: 2321957  
KAWAT : PERDANA

Bil Kami:PM(S)18869/2/12

Tarikh: 28 April 1987

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua-ketua Pengarah Jabatan Persekutuan  
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan

SURAT PEKELILING AM BIL. 4/87

Majlis Perdagangan Tak Ketara Malaysia

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan bahawa Majlis Perdagangan Tak Ketara Malaysia hendaklah merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua usaha mengenai perdagangan tak ketara negara kita. Bidang tugas dan keanggotaan Majlis tersebut adalah seperti berikut:-

(a) Bidang Tugas

- i. merangka dan memperakukan kepada Kerajaan program-program bagi menggalak dan memajukan perdagangan tak ketara negara kita;
- ii. mengambil dayausaha menyelidik perkara-perkara yang tertentu mengenai perdagangan tak ketara;
- iii. mengikuti kemajuan pelaksanaan dasar-dasar dan menyelaraskan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta untuk mengurangkan defisit perdagangan tak ketara negara kita;

iv. mengemukakan laporan kemajuan dari masa ke semasa kepada Jemaah Menteri, melalui Y.B. Menteri Kewangan.

b. Keanggotaan

Pengerusi:

YABhg. Tun Ismail bin Mohamed Ali

Ahli-ahli:  
Atas Jawatan

- i. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kewangan
- ii. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Perdagangan dan  
Perindustrian.
- iii. Gabenor,  
Bank Negara Malaysia
- iv. Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pelajaran
- v. Pengerusi,  
Persatuan Bank-bank dalam Malaysia

Ahli-ahli Lain:

- i. YM Raja Tan Sri Mohar bin  
Raja Badiozaman  
(mewakili industri penerbangan)
- ii. YM Raja Tan Sri Muhammad Alias bin  
Raja Muhammad Ali  
(mewakili kepentingan perkapalan)
- iii. Encik Geh Ik Cheong
- iv. YBhg Tan Sri Kishu T Jethanand
- v. Dr Tan Tat Wai

Setiausaha Majlis:

Dr Jaafar Ahmad  
Bank Negara

2. Semua Kementerian, Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun hendaklah memberi bantuan dan kerjasama kepada Majlis Perdagangan Tak Ketara Malaysia ini.

3. Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



( Tan Sri Dato' Sallehuddin bin Mohamed )  
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.:-

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.